

PERLAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN DARIPADA PERSPEKTIF PENSYARAH SEMASA PANDEMIK COVID-19: PENDEKATAN ETNOGRAFI

THE IMPLEMENTATION OF ONLINE TEACHING AND LEARNING DURING THE COVID-19 PANDEMIC: AN ETHNOGRAPHIC APPROACH

Nor Hafizan Habib Sultan¹

¹Jabatan Bahasa & Pengajian Umum, Fakulti Perniagaan & Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Malaysia, (E-mail:norhafizan@unimap.edu.my)

Article history

Received date : 26-5-2024

Revised date : 27-5-2024

Accepted date : 15-6-2024

Published date : 30-6-2024

To cite this document:

Habib Sultan, N. H. (2024). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam talian daripada perspektif pensyarah semasa Pandemik COVID-19: pendekatan etnografi. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (63), 455 – 468.

Abstrak: Pandemik COVID-19 telah membawa perubahan yang besar dalam landskap kehidupan manusia dan telah melumpuhkan dunia. Pelbagai sektor turut terkesan dengan penularan wabak COVID-19 ini termasuklah Institusi Pendidikan di Malaysia. Sebelum terjadinya wabak ini sistem pembelajaran dijalankan secara bersemuka di Sekolah dan Universiti. Namun, sejak berlakunya wabak ini sistem pembelajaran telah ditukar kepada pembelajaran secara dalam talian atau digital. Berdasarkan fenomena ini, kajian ini bertujuan untuk meneroka pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) semasa pandemik COVID-19 daripada perspektif pensyarah di Universiti Malaysia Perlis. Kedua mengenal pasti impak dan cabaran terhadap pelaksanaan PdP dalam talian. Kajian ini berbentuk etnografi melalui pemerhatian, temubual mendalam dan analisis dokumen ke atas lima orang informan dalam kalangan pensyarah. Kajian ini dijalankan menggunakan teknik persampelan bertujuan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa perubahan dalam sistem PdP memberi pengalaman baru kepada pensyarah di UniMAP. Perspektif pensyarah terhadap pelaksanaan PdP dilihat wujudnya “perasaan bercampur baur”, “pengalaman baharu dalam dunia pendidikan” dan “aplikasi pendidikan digital dalam PdP”. Manakala impak kajian menunjukkan PdP secara dalam talian memberikan impak positif dan negatif kepada pensyarah. Terdapat pelbagai cabaran yang perlu diharungi oleh pensyarah apabila pelaksanaan PdP dijalankan secara dalam talian. Pensyarah perlu berhadapan dengan cabaran dari segi tiada komunikasi dua hala antara pensyarah dan pelajar dan pengurusan emosi. Kesimpulannya, perubahan sistem PdP secara dalam talian masih boleh dilakukan meskipun Malaysia berhadapan dengan wabak COVID-19. Namun, perubahan ini memerlukan sistem pendidikan menyesuaikan diri dengan keadaan semasa. Kajian lanjut boleh dilakukan dengan memfokuskan kepada pelajar kurang Upaya (OKU) masalah pembelajaran terhadap keberhasilan pelajar melalui PdP secara dalam talian.

Kata Kunci: *PdP dalam talian, Pandemik COVID-19, Etnografi*

Abstract: *The COVID-19 pandemic has brought great changes in the landscape of human life and has paralyzed the world. Various sectors have also been affected by the spread of the COVID-19 epidemic, including Educational Institutions in Malaysia. Before this outbreak, the learning system was conducted face-to-face in Schools and Universities. However, since the outbreak of this epidemic, the learning system has been changed to online or digital learning. Based on this phenomenon, this study aims to explore the implementation of teaching and learning (T&L) during the Covid-19 pandemic from the perspective of lecturers at Universiti Malaysia Perlis. Second identify the impact and challenges to the implementation of PdP online. This study is ethnographic through observation, in-depth interviews, and document analysis of five informants among lecturers. This study was conducted using a purposive sampling technique. The findings of the study show that changes in the PdP system give new experiences to lecturers at UniMAP. The lecturer's perspective on the implementation of PdP is seen as having "mixed feelings", "new experiences in the world of education" and "digital education applications in T&L". While the impact of the study shows that PdP online has a positive and negative impact on lecturers. There are various challenges that lecturers must overcome when implementing online T&L. Lecturers have to face challenges in terms of lack of two-way communication between lecturers and students and emotional management. In conclusion, changes to the T&L system online can still be done even though Malaysia is dealing with the COVID-19 epidemic. However, this change requires the education system to adapt to the current situation. Further research can be done by focusing on students with disabilities (OKU) learning problems on the success of students through PdP online.*

Keywords: *Online T&L, COVID-19 Pandemic, Ethnography*

Pengenalan

Sektor pendidikan memainkan peranan yang sangat penting dalam meningkatkan kualiti sumber daya manusia dan pertumbuhan ekonomi negara. Malah, pendidikan juga merupakan aset penting bagi kemajuan sebuah bangsa dan bakal melahirkan modal insan bermentaliti kelas pertama. Selaras dengan konsep MADANI yang menjadi kerangka besar bagi memartabatkan semula negara sebagai sebuah negara makmur dan dihormati. Istilah MADANI iaitu “tamadun” dan “peradaban” dalam melahirkan modal insan yang bertamadun perlu disalurkan ilmu pendidikan. Ketika Malaysia melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) melalui perutusan khas yang telah dibuat oleh Perdana Menteri Malaysia ke-8 Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 16 Mac 2020 telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). PKP dijalankan secara berperingkat bermula fasa 1.0 sehingga fasa 3.0 iaitu pada 18 Mac 2020 sehingga 28 April 2020 bertujuan untuk mencegah penularan pandemik COVID-19 di Malaysia. Pandemik COVID-19 turut dikenali sebagai penyakit pernafasan akut 2019-nCoV ini mudah berjangkit disebabkan oleh SARS-CoV-2 (novel coronavirus 2019) dan berkait rapat dengan virus SARS. Umumnya, penyakit coronavirus 2019 (COVID-19) telah mula dikesan di negara China. Bermulalah jangkitan kes pertama yang disahkan pada 7 Januari 2020 di Wuhan, Hubei dan China pada Disember 2019. Kemudian, dalam tempoh tiga minggu, kes ini telah disahkan berlaku di Thailand, Nepal, Canada, Cambodia, Sri Lanka dan Jerman. Malah, Malaysia turut dikejutkan dengan kes pertama yang telah dijangkiti daripada seorang pelancong China yang tiba di Malaysia melalui Singapura. Kes tersebut telah diklasifikasikan sebagai kes import dan disahkan pada 25 Januari 2020 (KKM, 2020). Lantaran itulah, World Health Organization (WHO) telah mengisytiharkan COVID-19 sebagai pandemik bermula pada 20

Mac 2020 di seluruh dunia. COVID-19 merupakan jangkitan pada saluran pernafasan dengan simptom seperti demam, batuk, kesukaran bernafas dan sakit tekak. Malah wabak ini merebak apabila individu yang mempunyai sejarah perjalanan ke negara China atau kontak rapat dengan kes yang berlaku.

Pandemik COVID-19 menyebabkan pelbagai norma baharu yang perlu dilalui oleh masyarakat. Antaranya, masyarakat perlu bekerja dari rumah, memastikan jarak sosial, perlu memakai pelitup muka ketika berada di tempat awam, menitikberatkan kebersihan dan vaksinasi. Virus ini boleh tersebar melalui percikan yang dihasilkan individu apabila seseorang yang mengalami batuk atau bersin. Selain itu, penularan wabak ini boleh menular melalui sentuhan pada permukaan yang tercemar dan kemudian menyentuh muka. Krisis wabak COVID-19 ini telah menyebabkan pandemik global dan memberi kesan besar terhadap Kesihatan Masyarakat, ekonomi dan cara hidup.

Lantaran itu, akibat daripada penularan wabak COVID-19 dan bermulanya PKP, proses PdP secara bersemuka terpaksa digantikan dengan PdP secara dalam talian. Walaupun dilaksanakan PKP, PdP masih perlu diteruskan bagi memastikan pelajar tidak ketinggalan dalam menimba ilmu. Hal ini kerana, akibat pandemik covid-19, perubahan yang paling ketara adalah melalui sistem pendidikan yang telah mengalami evolusi. Malah, evolusi ini memberi kesan yang amat besar terhadap Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang merupakan teras kepada sistem Pendidikan di Malaysia sejak tahun 1988. Justeru, penggunaan teknologi dalam proses PdP di Malaysia telah dilaksanakan secara meluas sama ada di peringkat sekolah dan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) semasa krisis wabak COVID-19 berlaku. Justeru, pembudayaan PdP melalui pengaplikasian teknologi bertujuan untuk memastikan tahap pendidikan di Malaysia setanding dengan dunia luar. Malah, para tenaga pengajar termasuk guru, pensyarah turut didedahkan dengan pelbagai kemahiran berkaitan penggunaan teknologi semasa proses PdP berlangsung dengan menggunakan pelbagai aplikasi, perisian dan alat bantu mengajar (Amiruddin *et al.*, 2014).

Walau bagaimanapun melihat situasi keadaan yang berlaku telah mendorong pemimpin dalam sektor pendidikan untuk merancang dan bertindak bagi memastikan sektor pendidikan negara terus bergerak. Hal ini kerana sektor pendidikan merupakan tunjang utama dalam melahirkan modal insan bermanteliti kelas pertama (Nurlaili dan Mohd Yusof, 2018). Pembelajaran secara dalam talian semasa wabak pandemik merupakan kaedah baharu dalam PdP. Pendekatan ini tertumpu kepada pendidikan diubah kepada pembelajaran berpusatkan pelajar. Konsep pembelajaran ini dikenali sebagai e-pembelajaran yang diadaptasi daripada proses perubahan pendidikan tradisional iaitu penggabungan penggunaan media digital dengan kaedah tradisional. Kaedah tradisional secara *chalk and talk*, tugas dan nota. Manakala penggunaan media digital melalui tayangan video dan *youtube*. Justeru, melalui penggabungan kedua-dua kaedah ini telah diterjemahkan dalam bentuk alam maya (Mohd Fairus, 2021) dan menjadi satu platform penting kepada semua pendidik untuk melaksanakan PdP secara formal dan tidak formal semasa krisis wabak COVID-19. Lantaran itu, dalam tempoh PKP para pendidik di Malaysia telah mengambil tindakan yang drastik dengan melakukan PdP secara dalam talian. Menurut Windhiyana (2020), pelaksanaan PdP secara dalam talian merupakan medan pembelajaran maya dalam membentuk satu komunikasi antara pendidik dan pelajar. Manakala menurut Zhu *et al* (2020) pembelajaran secara dalam talian dapat melahirkan tingkah laku yang positif dalam kalangan pelajar.

Bagi memastikan kurikulum dan PdP dapat dilaksanakan, para pensyarah telah menggabungkan kedua-dua kaedah melalui penggunaan *Google Classroom* (GC) dan portal *e-learning* Universiti. Namun, sekiranya terdapat kekangan yang berlaku, para pensyarah telah menggunakan aplikasi yang lain seperti *whatsapp*, *telegram*, *Google Meet*, *Zoom*, *webex* dan *youtube*, sebagai kaedah PdP. Menurut perangkaan yang dikeluarkan oleh google, Malaysia merupakan negara yang dikesan sebagai pengguna kedua tertinggi medium *google classroom* di dunia. Justeru, medium yang digunakan menunjukkan bahawa usaha pensyarah yang jitu untuk memastikan PdP dapat disampaikan dalam apa jua keadaan. Namun, terdapat juga kekangan dalam menyokong kaedah PdP secara dalam talian. Menurut Noriyani (2017), kekurangan kemudahan peralatan dan sambungan rangkaian internet menjadi penghalang kepada proses PdP. Hal ini kerana capaian internet memainkan peranan penting agar proses PdP berjalan dengan lancar. Kekangan ini biasanya terjadi kepada mereka yang berada di luar bandar atau di kawasan pendalaman yang mengalami kesukaran untuk mendapatkan rangkaian internet. Selain itu, menurut Zhu (2020), wabak COVID-19 ini telah mewujudkan jurang digital pendidikan di antara pelajar bandar dan luar bandar di China. Menurut beliau, kekurangan peralatan teknologi menyebabkan hampir separuh pelajar luar bandar tidak hadir ke kelas semasa PdP berlangsung secara dalam talian.

Teori Struktur Fungsional

Menerusi kajian ini teori struktur fungsional digunakan sebagai kerangka utama dalam membincangkan perspektif informan terhadap pelaksanaan PdP secara dalam talian semasa pandemik COVID-19 yang merencatkan sektor pendidikan negara. Umum mengetahui bahawa, sektor pendidikan merupakan antara sektor yang paling terkesan semasa wabak COVID-19. Penggunaan teori ini membolehkan penyelidik meneroka perkara yang berlaku dalam masyarakat ekoran daripada pandemik COVID-19. Teori struktur fungsional juga membolehkan masyarakat memahami bagaimana mereka bertindak balas dan mengadaptasi terhadap perubahan ini. Menurut Talcot Parson (1977), teori struktur fungsional menyatakan bahawa masyarakat adalah satu sistem sosial. Justeru, dalam sistem sosial tersebut, masyarakat terdiri daripada pelbagai bahagian iaitu setiap bahagian mempunyai fungsi-fungsi tertentu yang mampu memberi sumbangan kepada golongan masyarakat. Lantaran itu, sumbangan tersebut merupakan satu keperluan dalam kelompok masyarakat itu sendiri. Dalam konteks pandemik COVID-19 di sektor pendidikan, beberapa aspek teori struktur fungsional dapat diidentifikasi. Menurut Parson (1977), terdapat empat masalah asas yang harus diselesaikan dalam setiap sistem yang berfungsi iaitu;

Pertama, penyesuaian dengan alam sekitar iaitu mengadaptasi fungsi pendidikan. Fungsi utama pendidikan adalah memindahkan pengetahuan dan keterampilan pelajar. Justeru, wabak pandemik COVID-19 telah memaksa institusi pendidikan untuk beradaptasi dengan pembelajaran jarak jauh dan model pembelajaran hybrid yang dilakukan secara dalam talian. Maka, keperluan masyarakat dari segi fizikal mestilah dipenuhi. Bagi tujuan tersebut masyarakat hendaklah membuat peraturan-peraturan tertentu. Dalam konteks ini, sistem pendidikan telah merancang dan mewujudkan pelbagai aplikasi digital seperti *google classroom*, *google drive*, *google calendar*, *e-learning* Universiti, *Webex*, *zoom*, *Microsoft team*, *skype*, *google meet*, *youtube*, *whatsapp*, *telegram*, *Instagram* dan *tiktok* bertujuan untuk memudahkan proses PdP antara pensyarah dan pelajar. Hal ini penting untuk memastikan pensyarah dapat melaksanakan PdP walaupun secara dalam talian dengan menggunakan aplikasi digital bagi memastikan pelajar tidak ketinggalan dalam proses pembelajaran mereka. Sebagai masyarakat (pensyarah) perlu berfungsi untuk menguasai keperluan digital tersebut

disebabkan perubahan dinamika berlaku menerusi interaksi dalam kelas yang dilakukan dalam format maya.

Kedua, setiap ahli masyarakat mesti mempunyai persetujuan bersama dalam kalangan ahli-ahli tentang keutamaan mereka. Tanpa persetujuan bersama dalam sesuatu perkara, kestabilan masyarakat akan terganggu. Walaupun berlakunya perubahan dalam sistem pendidikan namun, perlu melihat semula tujuan utama pendidikan iaitu memindahkan pengetahuan kepada generasi muda (pelajar). Menerusi PdP yang perlu dilakukan secara dalam talian, para pensyarah dan pelajar perlu bekerjasama dan sedaya upaya mencapai tujuan tersebut. Penggabungan antara kedua-dua ini memerlukan komitmen dan kefahaman yang jelas tentang objektif PdP secara dalam talian yang diperkenalkan di Institusi Pendidikan. Peraturan perlu diwujudkan untuk mengikat para pensyarah dan pelajar agar objektif dapat dicapai. Pelanggaran peraturan yang telah dibuat akan menjejaskan keseluruhan objektif pelaksanaan PdP secara dalam talian semasa pandemik COVID-19 disebabkan sektor pendidikan merupakan tunjang utama dalam melahirkan modal insan bermentaliti kelas pertama.

Ketiga, ahli-ahli dalam masyarakat hendaklah memainkan peranan yang sudah ditetapkan dan mestilah mematuhi nilai-nilai masyarakat. Hal ini kerana melalui PdP secara dalam talian memberi cabaran kepada masyarakat (pensyarah dan pelajar) kerana penglibatan dan integrasi sosial dalam konteks pendidikan agak mencabar semasa pandemik COVID-19. Masyarakat mestilah berupaya menguruskan cabaran atau ketegangan dalam struktur sosial dan keupayaan mereka dapat dilihat sebagai "*fundamental structural*" dalam sistem sosial. Menerusi PdP yang perlu dilakukan secara dalam talian, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), pihak Pengurusan Universiti perlu memainkan peranan yang penting serta efektif untuk memastikan sektor pendidikan dapat diteruskan meskipun berhadapan dengan krisis wabak pandemik COVID-19. Menerusi PdP ini Kementerian boleh memberikan kouta internet kepada golongan pelajar B40 dengan kadar rendah dan komputer riba percuma kepada golongan pelajar B40 bagi membantu proses PdP. Untuk para pensyarah pula boleh menawarkan perkhidmatan jalur lebar dengan harga rendah dan pihak Universiti boleh menawarkan pemberian komputer riba percuma kepada pensyarah baharu yang melapor diri bagi memudahkan PdP dijalankan secara maya. Kegagalan menjalankan peraturan dengan sempurna menyebabkan hasrat untuk melaksanakan PdP secara dalam talian tidak akan tercapai.

Keempat, integrasi dalam mempertahankan dan mengekalkan apa yang telah sedia ada dalam masyarakat (pensyarah) hendaklah diselaraskan dan dikawal oleh unsur-unsur dalaman dari bahagian-bahagian tertentu. Setiap daripada bahagian tersebut seharusnya mengawal individu dan institusi supaya sistem sosial terkawal (Fatimah, 1992). UniMAP misalnya telah mengambil kira sistem sosial yang telah sedia wujud dalam masyarakat khususnya yang mendasari masyarakat di sektor pendidikan terutama di UniMAP sebagai kumpulan sasar. Interaksi dan integrasi antara pensyarah UniMAP dan pelajar dapat mengukuhkan ruang PdP secara dalam talian dan memudahkan pelaksanaan PdP dalam kalangan pelajar di UniMAP.

Kajian Literatur

Pengajaran dan Pembelajaran dalam Talian

Pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian merujuk kepada proses penyampaian maklumat, pembelajaran dan interaksi antara pelajar dan pendidikan yang berlaku melalui platform digital dan rangkaian internet. Pendekatan ini semakin popular terutama dengan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi. Terdapat beberapa kaedah yang boleh

dijalankan melalui PdP secara dalam talian yang menggabungkan pembelajaran dalam talian dan secara tradisional. Terdapat beberapa kelebihan PdP yang dijalankan secara dalam talian antaranya aksesibiliti iaitu pelajar boleh mengakses bahan pembelajaran dari mana-mana sahaja dengan sambungan internet. Kaedah ini membolehkan pelajar mempunyai masa yang fleksibel untuk belajar. Kedua melihat kepada kepelbagaian sumber iaitu pelajar dapat mengakses pelbagai jenis sumber maklumat seperti video, e-buku dan simulasi interaktif. Ketiga adalah dapat menjalin kerjasama antarabangsa. Hal ini kerana melalui kaedah PdP secara dalam talian membolehkan interaksi antara pelajar dari pelbagai negara, membuka peluang untuk pertukaran budaya dan pandangan antara lain-lain negara. Terakhir adalah melihat kepada pemantauan dan penilaian iaitu pemantauan pembelajaran secara dalam talian dapat diperbaiki melalui alat analitik dan platform pembelajaran yang membolehkan pendidik melihat prestasi secara terperinci.

Pembudayaan penggunaan teknologi digital telah didominasi oleh sebahagian besar dunia pendidikan. Dahulu norma pendidikan masyarakat adalah belajar di bangunan premis seperti Sekolah dan Universiti. Susulan daripada PKP proses PdP telah dilakukan secara atas talian. Menurut Ahmad Zaki *et al.* (2014) definisi atas talian terdiri daripada sambungan sistem daripada alat teknologi tertentu seperti komputer dan internet. Pembelajaran atas talian juga merupakan platform maya melalui capaian internet dalam membentuk komunikasi antara pendidik dan pelajar tanpa melibatkan pembelajaran secara bersemuka (Rohiman *et al.*, 2021). Menurut Bdiwi *et al.* (2019) PdP secara dalam talian berdasarkan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) boleh mengaplikasikan kaedah segerak (*synchronous*) dan tidak segerak (*asynchronous*).

Pengajaran dan pembelajaran atas talian (*online learning*) terus berkembang dan memainkan peranan penting dalam institusi pendidikan di Malaysia (Gunawan *et al.*, 2020). Menurut Nilavani dan Khairul Azhar (2021) dunia pendidikan semasa era pandemik ini telah mula menuju ke arah pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara dalam talian yang menggunakan pelbagai aplikasi yang sedia ada. Justeru, hasil daripada proses PdP secara dalam talian aktiviti akademik dapat disalurkan melalui penerapan teknologi digital dan internet. Kini, teknologi tersebut telah dipelbagaikan semula sebagai pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) menerusi lanskap Institusi pendidikan. Lantaran itulah, kandungan yang disalurkan dalam aktiviti akademik perlu mempunyai tulisan, grafik visual, perkataan, animasi, video dan audio. Menurut Shirley Anne (2019) PdP dalam talian merupakan pembelajaran secara tatap muka yang menggunakan perantaraan peralatan komputer iaitu pelajar dapat melihat dan mendengar pelajar lain dari jarak jauh. Menerusi PdPR mereka boleh berkomunikasi secara dua hala secara jarak jauh.

Menurut Ainee *et al.* (2019) pembelajaran dalam talian merupakan komunikasi dua hala antara pelajar dengan menggunakan pembelajaran berasaskan komputer. Menurut Faridah dan Afham (2019) pembelajaran yang dilaksanakan secara dalam talian perlu menggunakan pembelajaran secara aktif. Pendapat ini turut disokong oleh Herman dan Surjono (2015) iaitu pembelajaran dalam talian dapat melahirkan sistem pembelajaran yang mudah untuk berubah dan dapat meluaskan pengaruh. Justeru, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah melaporkan peningkatan sebanyak 23.1% dalam aliran trafik internet di seluruh negara pada minggu pertama PKP manakala pada minggu kedua PKP telah menyaksikan peningkatan sebanyak 8.6% (MCMC, 2020).

Impak dan Cabaran Perlaksanaan PdP dalam Talian

Malaysia adalah salah satu negara yang telah memasuki Revolusi Perindustrian (IR) 4.0. Justeru, berikutan pelaksanaan PdP secara dalam talian memberi impak dan cabaran yang terhadap guru, pensyarah dan tenaga pengajar di Malaysia. Menurut Maskury (2019) teknologi digital ini memberi peluang untuk meningkatkan produktiviti dan menyusun strategi bukan sahaja dalam sektor pembuatan malah dalam sektor pendidikan. Menurut Noor Syaheerah dan Tajul (2021), seorang pendidik perlu bermotivasi dalam mendepani cabaran PdP dalam talian bersama pelajar. Lantaran itu, cabaran utama yang perlu dilalui oleh para pendidik semasa proses PdP berlangsung adalah ketidakstabilan sambungan internet. Keadaan ini berlaku apabila ada dalam kalangan pelajar yang tinggal di luar bandar dan mengalami ketidakstabilan capaian internet yang tidak stabil. Justeru, para pelajar mengalami kesulitan dalam mengakses bahan pembelajaran dan rujukan selain kesukaran untuk berkomunikasi dalam talian. Kedua ialah ketidakaktifan pelajar semasa proses PdP berlangsung. Pelajar mungkin cenderung untuk kurang aktif dan kesukaran untuk melibatkan diri dalam PdP dalam talian jika tiada pengawasan secara langsung. Cabaran ketiga adalah pensyarah dan tenaga pengajar mengalami kesukaran apabila tiada komunikasi dua hala dengan pelajar. Malah menurut Siti Nurbaizura dan Nurfaradilla (2020) kekurangan sokongan pembelajaran daripada ibu bapa dan penjaga yang mengakibatkan pelajar tidak menghadiri sesi pembelajaran dalam talian. Cabaran pelajar pula dilihat apabila mereka mengalami kesukaran untuk mendapatkan capaian internet, ketiadaan peranti digital pintar dan sikap pelajar mengikuti kelas pembelajaran dalam talian (Aziz, Shafie, Lee dan Ashaari, 2020). Selain itu, cabaran teknikal juga antara Kemahiran teknikal dan literasi digital yang diperlukan untuk berjaya dalam PdP dalam talian. Selain pelajar, pendidik juga menghadapi cabaran dalam aspek ini kerana pendidik perlu mengendalikan pengajaran dalam talian kerana ia berlaku secara tiba-tiba (Siti Nurbaizura dan Nurfaradilla, 2020)

Walaupun terdapat cabaran PdP yang perlu ditempuhi oleh para pendidik dan pelajar, namun PdP secara dalam talian terus berkembang dan memberikan peluang untuk berinovasi dalam pendidikan. Kecekapan dan kesan pembelajaran dalam talian bergantung pada bagaimana

platform dan kaedah pembelajaran diimplementasikan serta sokongan yang diberikan kepada pelajar dan pendidik. Berdasarkan sorotan karya ini maka satu analisis perlu dilakukan bagi memahami perspektif pensyarah yang terlibat dalam melaksanakan PdP secara dalam talian. Pada dasarnya PdP dilihat mampu untuk memberikan impak yang positif kepada pensyarah akhirnya telah dipertikaikan. Justeru, setiap sudut model dan pelaksanaan PdP perlu diteliti dan dilakukan penambahbaikan. Oleh itu, wajarlah kajian ini dilakukan untuk memahami keadaan sebenar para pensyarah yang telah melaksanakan PdP sepanjang tempoh PKP.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan etnografi dalam pengutipan data kajian. Pengutipan data kajian melibatkan tiga fasa. Fasa pertama menggunakan teknik pemerhatian, fasa kedua temubual secara mendalam dan fasa ketiga adalah analisis dokumen (Othman, 2009; Merriam, 2009). Pada peringkat fasa pertama kajian lapangan telah dijalankan dan berlangsung selama tiga bulan. Manakala fasa kedua melibatkan temubual secara mendalam bersama informan kajian yang terdiri daripada pensyarah berjawatan DS45, DS51, DS52 dan DS54 di Universiti Malaysia Perlis yang terlibat dalam kajian ini. Kaedah temubual melibatkan perbualan secara dua hala iaitu interaksi bersemuka secara lisan di antara penyelidik dan informan. Menerusi kutipan data kajian, satu set rangka temubual telah disediakan sebagai instrumen dalam pengutipan data. Soalan yang diajukan kepada informan mengikut sub tema seperti tahun mereka berkhidmat di UniMAP, pengalaman mereka dalam mengendalikan pengajaran dan

pembelajaran secara dalam talian, cabaran yang mereka lalui semasa proses PdP dan juga implikasi PdP semasa pandemik COVID-19. Setiap sesi temubual direkod menggunakan pita rakaman audio. Setiap sesi temubual berlangsung di antara satu jam setengah sehingga tiga jam. Kemudian, data temubual akan di transkripsi daripada satu ayat ke satu ayat yang lain (verbatim) iaitu dengan menyalin semula perkataan atau ayat-ayat yang sebenar diperolehi daripada informan.

Proses transkripsi mengambil masa yang lama untuk memastikan ketepatan dalam sesi temubual yang dijalankan. Kemudian, kajian ini menggunakan analisis data secara tematik yang dikemukakan oleh Braun dan Clarke (2013). Untuk melihat data kajian, penyelidik akan melihat fakta lepas, menghubungkan data antara satu sama lain dan membuat tafsiran agar senang difahami (Braun dan Clarke, 2013). Data dianalisis secara manual oleh penyelidik menggunakan pendekatan analisis tematik. Analisis tematik merupakan satu proses yang digunakan dalam mengolah informasi kualitatif dan memungkinkan penjejakan informasi tersebut menjadi data kualitatif seperti yang diperlukan oleh penyelidik (Braun, 2006).

Dapatan Kajian

“Perasaan Bercampur Baur”

Setiap manusia tidak dapat lari dalam melahirkan rasa atau perasaan dalam diri. PKP sememangnya memberi tamparan hebat kepada seluruh rakyat di dunia, tambahan di Malaysia. Menurut informan (P1) apabila pengumuman di buat oleh Perdana Menteri untuk pelaksanaan PKP terlintas di fikiran bagaimana untuk meneruskan pekerjaan kerana membabitkan pelajar. Beliau menyatakan setiap semester perlu menghabiskan silibus dalam tempoh 14 minggu PdP. Malah beliau turut menambah sama ada pelajar perlu menanggung semester atau perlu meneruskan dengan kaedah lain. Terlalu banyak perasaan bercampur baur kerana tidak mengetahui keadaan sebenar. Sehingga UniMAP telah menetapkan pelaksanaan PdP perlu diteruskan dan dijalankan di rumah memandangkan para pensyarah juga tidak dibenarkan untuk hadir bekerja di pejabat. Justeru, bermulalah pelbagai perasaan sama ada proses PdP akan berjalan lancar dan bermulalah pemilihan medium digital yang bersesuaian untuk diaplikasikan semasa PdP. Lantaran itu, atas saranan pihak Universiti penggunaan e-learning Universiti perlu digunakan selain daripada *google classroom*, *google meet* untuk memudahkan proses PdP. Selain itu, beliau juga mengaplikasikan pelbagai medium digital yang lain bagi meneruskan proses PdP secara maya bersama pelajar.

“...masa mula-mula PKP dilaksanakan terfikir bagaimana cara untuk meneruskan pekerjaan kerana membabitkan pelajar. Silibus perlu dihabiskan mengikut ketetapan masa. Takkan nak biar pelajar tangguh sem disebabkan pandemik ini. pada masa itu timbullah satu perasaan bercampur baur sebab tidak tahu keadaan sebenar..tunggu arahan UniMAP laa nak teruskan PdP atau macam mana...”

“Pengalaman Baharu dalam Dunia Pendidikan”

PdP dengan mengaplikasikan medium digital sememangnya memberi pengalaman baharu dalam dunia pendidikan. Tidak terkecuali informan kajian yang merupakan tenaga pengajar di UniMAP. Beliau yang telah berkhidmat di UniMAP hampir 25 tahun menyifatkan penggunaan teknologi ini memberi pengetahuan baharu kepada diri beliau. Beliau menyatakan pengalaman menggunakan teknologi seperti *whatsapp*, *telegram*, *facebook* sebagai medium sosial namun, agak sukar untuk beliau mengaplikasikan dalam pembelajaran. Beliau yang telah biasa dengan dewan kuliah, tugas secara bercetak, papan putih dan pen penanda menyifatkan PdP secara digital ini

membolehkan beliau mempelajari teknik baru. Justeru, beliau telah mendapatkan bantuan daripada pensyarah-pensyarah muda untuk membantu beliau mengaplikasikan medium digital dalam proses PdP. Selain kuliah yang dilaksanakan secara maya, beliau juga telah mempelajari tugas yang perlu dihantar secara dalam talian melalui perkongsian di *google drive*. Menurut beliau, agak sukar untuk beliau menggunakan medium digital namun, apabila telah mahir boleh memperoleh pengalaman baru kepada penyarrah.

“...Permulaan sukar juga hendak mengendalikan kelas seara dalam talian. mengaplikasikan dunia digital. bukan tidak pernah guna teknologi guna ja whatsapp, telegram dan sebagainya. tetap bagaimana nak alikasikan dalam pendidikan. jadi hasil bantuan rakan membantu saya semasa proses PdP. saya ni bab teknologi susah sikit, maklumlah bukan orang teknologi. nak belajar tu boleh cuma ambil masa. masa PdP ni la boleh build pengalaman baharu dalam dunia pendidikan. secara tradisional kita mengajar dalam dewan kuliah. ni bertukar secara maya...”

“Aplikasi Pendidikan Digital dalam PdP”

Pendidikan digital ini bukan sesuatu yang baharu. Banyak negara di dunia telah mengaplikasikan penggunaan digital dalam proses pembelajaran. Menurut informan (P3) PdP secara dalam talian menggunakan medium digital sememangnya memudahkan sebab tidak

perlu pergi kelas fizikal dan masa fleksibel. Jika pensyarah ada urusan lain luar, mereka boleh merakam kuliah dalam bentuk video dan memberi latihan secara digital kepada pelajar sahaja. Masa juga fleksibel untuk pelajar membuat ulangkaji terhadap sesuatu topik. Menurut informan sepanjang tempoh PdP ini penilaian pelajar juga telah diubah kepada 100 peratus kerja khusus tanpa ada peperiksaan akhir. Justeru, penilaian sepenuhnya hanya melakukan tugas berkumpulan. Antara tugas yang diberikan adalah menghasilkan infografik, penghasilan video pembentangan dan juga video promosi. Lantaran itu, pelajar boleh mengaplikasikan tugas berkumpulan dengan menggunakan medium digital yang sedia ada termasuklah canva, capcut dan sebagainya. Menurut informan, cara tersebut lebih mudah kerana beliau tidak perlu lagi menyemak tugas pelajar secara bercetak. Tambahan pelajar beliau melebihi 300 orang pada setiap semester.

“...aplikasi medium digital ini mudah. apabila PKP dilaksanakan saya terfikir juga bagaimana sektor pendidikan ini nak diteruskan. PdP pelajar, kelas, tugas dan sebagainya. Jadi dengan teknologi baharu ini membuatkan pensyarah lebih berpengetahuan. Kita dah masuk revolusi 4.0, apabila berlakunya pandemik ini membuka peluang kepada kita semua terutama pensyarah untuk mengaplikasikan teknologi baharu...”

Impak Perlaksanaan PdP Dalam Talian

(a) Impak Positif

Aplikasi Pelbagai Bentuk Pembelajaran Bersifat Interaktif dan Inovatif

Pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian telah membawa impak yang signifikan dalam konteks pendidikan. Impak boleh dibahagikan kepada dua iaitu impak positif dan impak negatif. Antara impak positif kepada pensyarah yang merupakan informan kajian dilihat sebagai satu peluang kepada pendidik untuk mengaplikasikan pelbagai bentuk pembelajaran yang bersifat

interaktif dan inovatif. Menurut informan kajian (P1), apabila dilaksanakan PdP bermula pada Mac 2020 sedikit sebanyak memberi kesan kepada dirinya kerana semasa beliau masuk bekerja di UniMAP lima tahun yang lalu cara pembelajaran bermula hanya di dewan kuliah. Kemudian penggunaan alat bantu belajar adalah *projektor* (peranti optik) dan komputer riba. Menurut beliau, semasa beliau menuntut di Universiti dahulu, pensyarah beliau ada menggunakan papan putih dan pen penanda berwarna dalam proses pembelajaran. Namun, segalanya telah berubah apabila sistem pendidikan terpaksa mengikut situasi semasa apabila pandemik COVID-19 telah merebak di Malaysia sehingga perlu melaksanakan PKP. Justeru, untuk meneruskan kelangsungan dalam sektor pendidikan beliau perlu mengaplikasikan pelbagai bentuk pembelajaran digital termasuklah menggunakan medium *youtube* bagi menarik minat pelajar. Beliau melihat medium digital ini sebagai satu peluang untuk pensyarah mempelajari dan menggunakan aplikasi yang pelbagai sebagai tarikan kepada pelajar. Selain dapat menyampaikan ilmu kepada pelajar, pensyarah juga dapat menguasai pengalaman baru apabila perlu mengadaptasikan alat bantu belajar dalam bentuk digital. Menurut informan;

“....awal dahulu memang fikir boleh ka nak melaksanakan PdP secara maya, bagaimana cara, apa aplikasi nak guna. Namun, sebagai tenaga pengajar perlu berfikir pantas untuk memastikan pelajar tidak ketinggalan”...

Perubahan Besar Dalam Penggunaan teknologi Digital

Perubahan drastik PdP secara maya dengan penggunaan teknologi digital memberi impak yang positif kepada para pensyarah. Menurut informan kajian (P3), pelaksanaan PdP pada awalnya memberi cabaran yang sukar kepada pensyarah. Hal ini kerana, situasi pelajar yang tidak perlu hadir ke kampus, pensyarah juga tidak dibenarkan hadir ke pejabat memberi cabaran yang sukar kepada para pensyarah. Beliau juga terfikir masalah yang perlu dihadapi pelajar seperti cara mengetahui siapa pensyarah mereka, nombor telefon untuk dihubungi dan medium pembelajaran yang hendak digunakan. Beliau yang baru pulang daripada cuti belajar agak sukar untuk mengadaptasi terhadap situasi berkenaan. Tambahan, sudah hampir 4 tahun beliau meninggalkan dunia pekerjaan. Justeru, atas inisiatif pihak Universiti dan Fakulti, perkara yang difikirkan agak sukar dilaksanakan akhirnya terlaksana apabila beliau mampu menguasai sebahagian teknologi digital seperti aplikasi *google classroom*, *e-learning* universiti, cara untuk menjalankan kuiz melalui *google form* dan memberi latihan kepada para pelajar dengan menggunakan aplikasi *kahoot*, *padlet* dan sebagainya. Para pelajar juga mencari pensyarah mereka dan dikumpulkan dalam satu kumpulan *whatsapp group* atau *telegram* bagi memudahkan komunikasi antara pensyarah dan pelajar. Kini, beliau telah menggunakan pelbagai aplikasi digital yang lain sebagai contoh *youtube* untuk memberi kuliah dalam bentuk video dan sebagainya.

“ bagi saya PKP ini memberi satu perubahan yang besar dalam landskap yang besar dalam sektor pendidikan. Pensyarah hanya mengenai dewan kuliah, pergi kelas secara fizikal, masuk mengajar guna kaedah lama. Hantar tugas perlu bercetak. Beratus-ratus tugas kena semak secara bercetak. Tapi apabila berlaku perubahan besar, penggunaan teknologi digital seperti google classroom, google drive, google form, kahoot dan sebagainya memberi impak yang positif disebabkan sebelum ini tahu kewujudan tapi tak pernah guna sehingga dah mahir sekarang...”

(b) Impak Negatif

Kebolehcapaian Jaringan Internet

Kebolehcapaian jaringan internet memainkan peranan penting dalam kejayaan PdP secara dalam talian. Hal ini kerana ketidakstabilan internet memberi kesan kepada pensyarah kerana perlu melaksanakan PdP secara dalam talian. Justeru, kestabilan internet perlu bagi memastikan kelancaran proses PdP secara maya. Menurut informan (P2) semasa dilaksanakan PKP, sektor pendidikan perlu melaksanakan PdP secara dalam talian. Justeru, beliau yang hanya menggunakan data telefon mempunyai kesukaran untuk mencukupkan penggunaan data. Beliau juga menyatakan apabila disambungkan dengan komputer riba, capaian internet agak terganggu. Hal ini berkemungkinan berlaku disebabkan aliran internet mengalami kadar penggunaan yang tinggi pada masa PKP. Jadi, beliau mengalami kesukaran untuk menjalankan PdP bersama pelajar dan kerja beliau terganggu. Beliau juga tidak memasang wifi di rumah dengan beranggapan data telefon bimbit mencukupi. Ternyata apabila wabak pandemik COVID-19 yang merebak di Malaysia dan perlu melaksanakan PKP, internet adalah pilihan utama untuk proses PdP. Menurut informan;

“...capaian internet penting untuk proses PdP. Tambahan kalau guna webex, zoom dan google meet. Penggunaan internet agak tinggi. Justeru, ini adalah kesan terhadap perlaksanaan PdP secara digital...”

Tekanan Bekerja

Bekerja dari rumah (*work from home*) memberi tekanan kepada informan kajian. Hal ini kerana, mereka tidak boleh hadir bekerja di pejabat malahan perlu menjaga anak-anak di rumah sambil bekerja memberi tekanan kepada informan secara luaran dan dalaman. Menurut informan (P4) beliau yang merupakan seorang ibu kepada tiga orang anak, dua daripadanya bersekolah memberi cabaran kepada beliau untuk menguruskan anak-anak. Tambahan anak-anak beliau juga perlu mengikuti pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR). Selain urusan kerja untuk melaksanakan kelas secara maya bersama pelajar-pelajarnya, beliau juga perlu membantu anak-anaknya untuk menghadiri kelas secara maya bersama-sama rakan sekolah. Anak pertama beliau yang berusia 9 tahun dan anak kedua 7 tahun memberi tamparan hebat untuk dirinya. Hal ini kerana, anak beliau yang berusia 7 tahun baru memasuki ke tahun 1 memerlukan pemerhatian yang lebih kerana anak beliau baru berada di alam persekolahan dan masih tidak tahu keadaan situasi kelas dan proses pembelajaran. Selesai waktu kelas, beliau perlu memantau kerja sekolah dan mengajar anak tahun 1 untuk membaca dan menyiapkan kerja sekolah. Usai menguruskan anak-anaknya, beliau perlu melalui proses PdP bersama para pelajarnya, menjalankan kuiz, menyemak tugasan dan sebagainya. Itulah rutin beliau sepanjang tempoh PKP. Walaupun tidak perlu hadir bekerja di pejabat, namun apabila bekerja dari rumah sedikit sebanyak mengalami tekanan bekerja kerana sebagai ibu, beliau perlu melihat perkembangan persekolahan anak, memasak, mengemas dan sebagainya.

“...kalau diberi pilihan bekerja dari rumah, rasanya tidak lagi kerana semasa PKP tempoh hari, bekerja dari rumah ni kita akan mengalami tekanan bekerja. Ia sebab semua orang bekerja dari rumah. sesuatu urusan tu jadi lambat, mana nak urus anak lagi, sekolah anak, makan minum, kerja hakiki. tekanan bekerja itu ada. kalau boleh urus dengan baik ok la. kalau tak boleh urus bimbang takut benda lain berlaku...”

Cabaran Perlaksanaan PdP Dalam Talian

Tiada Komunikasi Dua Hala Antara Pensyarah dan Pelajar

Perlaksanaan PdP secara dalam talian melalui medium *webex*, *google meet* atau *zoom* sememangnya interaksi bersama pelajar berlaku secara alam maya sahaja. Situasi ini sedikit sebanyak memberi ketidakselesaan kepada informan selaku pensyarah untuk berkomunikasi dengan pelajar secara terus. Tambahan, jika soalan ditanya kepada pelajar tetapi tiada maklum balas daripada mereka sama ada mereka faham atau tidak topik yang disampaikan pada hari kuliah. Perkongsian ini dikongsi oleh informan kajian (P5) yang menyatakan, setiap kali kelas dijalankan pelajar akan bersikap diamkan diri tanpa maklum balas semasa sesi PdP berlangsung. Pada permulaan kelas secara maya, saya dilihat hanya bercakap seorang diri di depan komputer riba walaupun dalam fikiran pelajar-pelajar ini faham atau tidak. Berbanding apabila PdP di dalam kelas, pensyarah boleh melihat muka pelajar dan komunikasi dua hala akan berlaku walaupun tidak semua pelajar yang akan bercakap. Malah, interaksi untuk menyatakan kefahaman melalui verbal atau non verbal boleh dilihat dan didengar secara berhadapan. Di situ terletaknya cabaran besar kepada para pensyarah untuk memberi kefahaman terhadap topik yang hendak disampaikan seperti yang dijelaskan oleh informan:

"...Bercakap seorang diri pada waktu kuliah memang dah menjadi tradisi sepanjang PdP berlangsung. Sehingga sekarang tingkah laku pelajar masih sama. Justeru, memang tiada komunikasi dua hala laa antara pelajar dan pensyarah. sebab pelajar sekarang faham atau tidak sama ja. nak tahu nanti tengok result ja la. Apa pun PKP ni memang bagi satu tamparan hebat laa dalam dunia pendidikan. Ini laa yang akan melatih kita untuk menerima teknologi sepenuhnya..."

Pengurusan Emosi

Pengurusan emosi pada waktu PKP amat penting. Tidak semua individu berkemampuan untuk mengurus emosi dengan baik apabila perlaksanaan PKP. Malah, manusia tidak bebas bergerak ke sana sini seperti waktu sebelum wabak pandemik COVID-19 mendorong individu mengurus emosi dengan baik. Menurut informan (P2) beliau menerima banyak panggilan telefon daripada rakan-rakan untuk mendapatkan nasihat berhubung tekanan kerja dan bagaimana untuk mengurus emosi dengan baik. Beliau menyatakan, emosi terganggu bukan disebabkan oleh kerja semata-mata, namun ia merangkumi semua aspek kehidupan manusia apabila berhadapan dengan krisis wabak covid-19 ini. Manusia perlu bekerja daripada rumah, anak-anak tidak ke sekolah, aktiviti sosial seperti keluar rumah berjumpa rakan-rakan, saudara mara, kenduri kendara dan membeli belah tidak dapat dilakukan secara normal seperti dahulu memberi tekanan kepada kita semua. Menurut beliau, pada fasa pertama PKP dilaksanakan, beliau sendiri tidak boleh mengurus diri dan emosi dengan baik. Banyak benda yang beliau fikirkan tambahan jika sudah berkeluarga, ada anak-anak, isteri dan keluarga mentua. Menurut informan, beliau mengatur giliran dengan isterinya yang turut bekerja sebagai seorang guru. Beliau menyatakan, PdP di awal pagi akan dilakukan oleh isteri beliau terlebih dahulu memandangkan isteri beliau bekerja sebagai guru di sebelah pagi. Lantaran itu, beliau yang akan menguruskan PdP anak-anak dan urusan rumah. Usai isteri beliau melengkapkan PdP pada hari tersebut, beliau akan meneruskan PdP bersama para pelajar mengikut sesi kuliah dan menyelesaikan tugas hakiki sebagai pensyarah. Pada waktu malam beliau terpaksa berkorban untuk menyiapkan tugas yang tertangguh di waktu pagi. Walaupun dilihat agak sukar, namun apabila masing-masing tahu tanggungjawab dan bekerjasama bukan sahaja kerja dapat diselesaikan dengan baik tetapi mampu mengurus emosi dengan baik sebab tidak tertekan dengan situasi semasa. Menurut beliau;

“...Sesiapa jua akan tertekan, kita manusia biasa. Namun perlu diingat agar dapat mengatur kerja dengan baik. urus emosi untuk memastikan kita seronok untuk bekerja dan untuk meneruskan kehidupan...”

Kesimpulan

Tuntasnya, pelaksanaan PdP secara dalam talian menggunakan medium digital sememangnya memberi pengalaman baharu dalam landskap pendidikan. Hasil kajian ini menjelaskan bahawa terdapat pelbagai perspektif informan apabila mereka terlibat dalam proses PdP secara dalam talian. Dapatan kajian menunjukkan informan melahirkan “perasaan bercampur baur”, “pengalaman baharu dalam dunia pendidikan” dan “pengalaman mengaplikasikan pendidikan digital” memberi kesan “positif dan negatif” dalam landskap Pendidikan. Dapatan kajian juga menggariskan impak dan cabaran yang pelbagai yang perlu dihadapi oleh para pensyarah terutama apabila membabitkan perjalanan kuliah secara dalam talian demi untuk memastikan pelaksanaan PdP dapat diteruskan.

Perubahan sistem PdP secara dalam talian masih boleh dilaksanakan walaupun Malaysia berhadapan dengan krisis wabak pandemik COVID-19 dengan adanya pelbagai medium digital. Malah perubahan yang berlaku memerlukan sistem pendidikan menyesuaikan diri dengan keadaan semasa. Namun, bagi program Universiti yang memerlukan penggunaan makmal agak sukar untuk melaksanakan PdP secara sepenuhnya. Justeru, sistem pembelajaran secara dalam talian ini perlu dikaji semula supaya bersesuaian dengan keperluan Misi dan Visi Universiti dan *Outcome Based Education* (OBE) supaya dapat memenuhi Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG11).

Rujukan

- Ahmad Zaki Bin Amiruddin, Ahmed Thalal Bin Hassan, Ahmad Abdul Rahman, Nor Ashila Abdul Rahman Dan Shariman Abu Bakar (2014). *Penggunaan Aplikasi Atas Talian Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Ketiga: Pengenalan Kepada Quizlet.Com*: International Conference On Human Sustainability (Insan 2014). Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, Johor.
- Aziz, A. R. A., Shafie, A. A. H., Lee, U. H. M. S., dan Ashaari, R. N. S. R. (2020). Strategi Pembangunan Aspek Kesejahteraan Kendiri Bagi Mendepani Tekanan Akademik Semasa Wabak COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(12), 16-30.
- Bdiwi, R., Runzb C., Faizc S. & Ali C.A. (2019). *Smart learning environment: teacher's role in assessing classroom attention. Research in Learning Technology* 27: 2072.
- Ericha Windhiyana (2020). Dampak Covid-19 Terhadap Kegiatan Pembelajaran Online Di Sebuah Perguruan Tinggi Kristen Di Indonesia. *Journal Perspektif Ilmu Pendidikan*. Vol 34. No 1.
- Faridah, C.I., dan Afham, A., (2019). Kajian Keberkesanan Pembelajaran Interaktif Berasaskan Aplikasi Kahoot: Satu Kajian Tindakan Terhadap Kursus Principles of Marketing. Online.
- Gunawan, Ade, Wimpi Siski Pirari, dan Maya Sari. (2020). “Pengaruh Literasi Keuangan Dan Gaya Hidup Terhadap Pengelolaan Keuangan Mahasiswa Prodi Manajemen Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara Ade.” *Jurnal Humaniora* 4(2): 23–35
- Herman, D. S. (2015). The Effects of Multimedia and Learning Style on Student Achievement in Online Electronics Course. *TOJET: The Turkish Online Journal of Educational Technology*.
- Maskuriy, R.; Selamat, A.; Ali, K.N.; Maresova, P.; Krejcar, O.(2019). Industry 4.0 for the Construction Industry-How Ready Is the Industry?

- Merriam, S.B. (2009). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. Jossey-Bass: San Francisco.
- Mohd Rohiman Subri, Rohizani Yaakub & Azlinda Boheran Nudin. (2021). Pelaksanaan pengajaran guru cemerlang dalam mata pelajaran Bahasa Melayu ketika pandemik COVID-19: Satu kajian kes. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12 (Special Issues), 21- 32.
- Nilavani A/P Mahalingam dan Khairul Azhar Jamaludin (2021). Impak dan Cabaran Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Atas Talian Semasa Perintah Kawalan pergerakan. *Jurnal Dunia Pendidikan*. Vol. 3, No.4 104-115
- Noor Syaheerah Hamdan dan Tajul Arifin Muhammad (2021). *Motivasi Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Di Kuala Lumpur Dan Keterlibatan Pelajar Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian Sepanjang Tempoh Pandemik Covid-19*. 2nd International Conference on Education, Social Sciences and Engineering (ICESE 2021).
- Noriyani (2017) *Implikasi google APPS dalam pengajaran dan pembelajaran pelajar pesisir* Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Nurlaili Abd Wahab and Mohd Yusof Abdullah (2018), Hubungan gaya kepimpinan dan pengurusan kerja guru besar dengan kepuasan kerja guru Sekolah Agama Kerajaan Johor. *Jurnal Ilmi*, 8, 136-150.
- Othman Lebar. (2009). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris: Tanjung Malim, Perak.
- Shirley Anne. S. Paul. A. S., Hart, P., Augustin, L., Clarke, P. J., & Pike, M. (2020). Parents' perspectives on home-based character education activities. *Journal of Family Studies*, 1-23.
- Siti Nurbaizura Che Azizan and Nurfaradilla Mohamad Nasri (2020). Pandangan guru terhadap pembelajaran dalam talian melalui pendekatan Home Based Learning (HBL) semasa tempoh pandemic covid-19. *Pendeta Journal Malay Language, Education And Literature*, 11, 46-57.
- Parson, T. (1977). *Social Systems and the Evolution of Action Theory*. New York: The Free Press.
- Virginia Braun dan Victoria Clarke (2013). *Successful Qualitative Research: A Practical Guide For Beginners*.
- Virginia Braun dan Victoria Clarke (2016). Using Thematic Analysis in Psychology. *Journal Qualitative Research In Psychology*.
- Zhu, Y., Zhang, J. H., Au, W., & Yates, G. (2020). University students' online learning attitudes and continuous intention to undertake online courses: a self-regulated learning perspective. In *Educational Technology Research and Development* (Vol. 68, Issue 3)